

PENGUKURAN DAN PERAMAL PERKAHWINAN BERKUALITI: SATU SOROTAN

THE MEASUREMENT AND PREDICTORS OF MARITAL QUALITY: A REVIEW

Siti Marziah Zakaria,
Abdul Rahman Ahmad Badayai,
Nor Ba' Yah Abdul Kadir
Salina Nen

ABSTRACT

Kualiti perkahwinan merupakan satu elemen yang sangat penting kerana ia mempengaruhi kesihatan serta kesejahteraan. Perkahwinan yang berkualiti tentunya akan dapat menangani masalah penceraian yang semakin meruncing dalam masyarakat hari ini. Kertas kerja ini mengulas pengukuran perkahwinan berkualiti serta peramal bagi perkahwinan berkualiti. Kajian-kajian terkini memberi fokus kepada elemen-elemen yang menyumbang kepada perkahwinan berkualiti. Konstruk perkahwinan berkualiti berbeza secara konsep dan maknanya dengan perkahwinan yang berjaya. Penyelidik-penyelidik melihat perkahwinan berkualiti sebagai satu penilaian subjektif mengenai persepsi seseorang tentang hubungan mereka. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kedua-dua faktor psikologi dan sosio-ekonomi boleh menyumbang kepada kualiti perkahwinan. Faktor psikologi yang kerap didapati meramal perkahwinan berkualiti ialah penyesuaian, komunikasi, gaya pengurusan konflik, strategi daya tindak dan tekanan. Manakala faktor sosio-ekonomi pula termasuklah tahap pendidikan, pekerjaan, status kewangan, dan tempoh perkahwinan. Ringkasnya, perkahwinan berkualiti boleh diwujudkan jika kedua-dua pihak mengamalkan konsep menang-menang dan sentiasa mengamalkan "memberi dan menerima" dalam perkahwinan.

Kata kunci: kualiti perkahwinan, komunikasi, gaya pengurusan konflik, pengukuran, peramal, tekanan

Abstract

Marital quality is a critical element because it affects health and well-being. It also undoubtedly can address the increasingly deadly problem in society today. This paper reviews the measurement of marital quality as well as the predictors of marital quality. Recent studies have focused on the elements that contribute to the marital quality. Moreover, constructs of marital quality and successful marriage differ conceptually and literally. Researchers perceived that marital quality refers to the subjective assessment of one's perception of their relationship. Previous studies have shown that both psychological and socio-economic factors might contribute to the marital quality. Psychological factors that have been frequently found to predict marital quality are adjustment, communication, conflict management styles, coping strategies and stress. On the other hand, socio-economic factors include the level of education, employment, financial status, and the years of the marriage. In short, a satisfactory marital quality can be realised if both parties practice the win-win concept and continually practise "give and take" in the marriage.

Keywords: marital quality, communication, conflict management style, measurement, predictor, pressure

PENGENALAN

Perkahwinan berkualiti merujuk kepada penilaian kognitif, tingkah laku dan perasaan terhadap perkahwinan yang telah dibina. Perkahwinan berkualiti merupakan satu elemen yang sangat penting kerana ia mempengaruhi kesihatan serta kesejahteraan (Umberson et al., 2006). Kajian lepas menunjukkan bahawa kualiti perkahwinan yang lebih baik dikaitkan dengan kadar kemurungan yang rendah (William, 2003), persepsi terhadap kesihatan yang lebih baik (Umberson et al., 2006), kurang penyakit fizikal (Wickrama et al., 1997), dan kesan-kesan positif yang lain. Walau pun begitu banyak kesan positif daripada perkahwinan yang berkualiti, kajian untuk mengenal pasti penentu atau indikator kepada perkahwinan berkualiti masih kurang menyeluruh. Dalam konteks Malaysia, kajian sebegini kurang giat dilakukan walau pun kadar penceraian dan keruntuhan rumah tangga semakin kronik. Kebanyakan kajian ke atas perkahwinan berkualiti dijalankan dalam konteks Barat, di negara-negara Barat, terutamanya di Amerika Syarikat. Terdapat juga beberapa kajian lain yang dijalankan di Cameroon (Gwanfogbe et al., 1997), Bolivia (Orgill and Heaton, 2005) dan China (Pimentel, 2000).

Perkahwinan yang berkualiti tentunya akan dapat menangani masalah penceraian yang semakin meruncing dalam masyarakat hari ini. Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (LPPKN, 2014) menganalisis status perkahwinan pertama. Kajian mendapati 91.4% daripada lelaki masih berkahwin, manakala 6.5% daripada mereka telah bercerai/berpisah. Bagi wanita pula, sebanyak 84.7% masih berkahwin, manakala 9.0% telah bercerai/berpisah. Dapatan kajian juga mendapati bahawa lebih satu pertiga perkahwinan pertama berakhir dengan penceraian dalam tempoh kurang daripada 5 tahun. Antara punca penceraian adalah tiadanya persefahaman, pasangan curang dan campur tangan mertua atau ipar duai (LPPKN, 2014).

Ramai juga pasangan berkahwin yang masih tetap dalam perkahwinan walaupun diuji dengan pelbagai cabaran dalam perkahwinan. Antaranya, cabaran dalam menangani pasangan yang tidak bertanggungjawab, suami yang tidak bekerja, suami yang bertindak ganas, pasangan yang mempunyai hubungan sulit, pemabuk, dan masalah penagihan dadah (Williams, 2003). Ini adalah antara isu yang sering menghimpit pasangan berkahwin. Isu ini selalunya berterusan dalam jangka masa yang lama. Mereka kekal dalam perkahwinan bermasalah kerana beberapa faktor seperti faktor kebergantungan hidup, faktor masa depan anak-anak, tidak sanggup berhadapan dengan stigma masyarakat apabila bercerai, dan juga faktor cinta yang masih kuat. Dalam sesetengah kes, isteri atau suami memaafkan kesilapan pasangan mereka dengan harapan mereka akan berubah (Wilcox & Nock, 2006). Namun, perasaan marah, dendam, takut, sedih dan kecewa terus-menerus menghantui perkahwinan mereka (McCullough et al., 1998).

Pihak suami atau isteri yang melalui perkahwinan yang tidak berkualiti atau tidak membahagiakan akan menanggung pelbagai kesan yang negatif (Whisman, 2001). Perkahwinan yang tidak berkualiti membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan, tekanan, trauma, keresahan (anxiety) dan sebagainya (Davila et al., 2003). Ia seterusnya boleh membawa kepada masalah fizikal seperti lemah jantung, kanser, penyakit disebabkan autoimun dan penyakit kronik yang lain (Umberson & Liu, 2005; Umberson et al., 2006). Dapatan yang lepas turut menunjukkan bahawa perkahwinan bermasalah memberi kesan yang lebih teruk kepada isteri daripada suami (Umberson & Williams, 2005). Seorang isteri mungkin lebih bergantung hidup kepada suaminya, tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri dan menghabiskan lebih banyak masa di rumah. Kurangnya sokongan emosi dan praktikal daripada keluarga dan kawan-kawan juga memburukkan lagi situasi mereka.

Kajian lepas turut mendapati kesan buruk perkahwinan bermasalah kepada emosi dan mental anak-anak (Martin & Maria, 2016). Anak-anak yang berada dalam perkahwinan berkonflik sering menghadapi masalah tingkah laku, seperti agresif, melanggar disiplin, tidak mengikut arahan dan bermasalah pembelajaran (Day et al., 2009). Mereka juga hilang hormat kepada ibu bapa dan tidak percayakan institusi kekeluargaan (Hughes, 2005). Dengan itu, hubungan ibu bapa dengan anak-anak akan terjejas dan ia seterusnya boleh membawa kepada masalah sosial.

Kualiti hubungan yang rendah antara ibu bapa dan anak-anak bukan hanya memberi kesan semasa tempoh pembesaran anak-anak, malah akan berterusan sehingga mereka dewasa (Day et al., 2009). Anak-anak membesar sebagai individu yang rendah keyakinan diri serta turut mengamalkan gaya keibubapaan yang negatif. Anak-anak yang dibesarkan dalam perkahwinan berkualiti sebaliknya mempunyai tanggung jawab sosial, daya kepimpinan, pencapaian akademik yang baik, dan kualiti peribadi yang tinggi (Davis et al., 1998). Justeru, artikel ini akan mengulas pengukuran perkahwinan berkualiti serta peramal bagi perkahwinan berkualiti.

PENGUKURAN DAN PERAMAL PERKAHWINAN BERKUALITI

Dekad kebelakangan ini menunjukkan perubahan dalam konsep perkahwinan. Transformasi masyarakat, kekangan ekonomi, perubahan sosial dan tuntutan hidup mungkin merubah makna perkahwinan itu sendiri. Definisi perkahwinan juga berbeza bergantung kepada budaya, norma, agama, gaya hidup dan perspektif yang pelbagai. Perkahwinan berkualiti didefinisikan sebagai penilaian umum tentang sesuatu perkahwinan (Fincham & Bradbury, 1987), termasuklah aspek positif dan negatif perkahwinan tersebut, seperti sokongan, masalah kewangan, sikap dan tingkahlaku pasangan. Perkahwinan berkualiti meramal kebahagiaan, kegembiraan, kesejahteraan psikologi, sokongan emosi dan kesihatan fizikal (Coan, Schaefer, & Davidson, 2006; Treboux, Crowell, & Waters, 2004). Manakala perkahwinan yang kurang berkualiti meramal kemurungan, pembubaran perkahwinan, tekanan dan penyakit kronik (Huston et al., 2001).

Konstruk perkahwinan berkualiti berbeza secara konsep dan maknanya dengan perkahwinan yang berjaya. Perkahwinan yang berjaya merujuk kepada tahap sejauh mana sesuatu hubungan itu sempurna. Perkahwinan yang berkualiti adalah satu konsep yang berbeza (Day et al., 2009). Penyelidik-penyelidik melihat perkahwinan berkualiti sebagai satu penilaian subjektif mengenai persepsi seseorang tentang hubungan mereka. Justeru, Spanier (1979) membina skala yang bertanyakan mengenai tingkah laku mereka dan tahap persetujuan mereka mengenai perkara-perkara asas dalam rumah tangga seperti kewangan, agama, rekreasi, kerjaya dan falsafah hidup.

Norton (1983) pula membangunkan satu pengukuran yang lebih global tentang perkahwinan berkualiti. Kebanyakan item yang dibina adalah berbentuk umum dan mengukur sikap seseorang individu terhadap perkahwinan. Bradbury, Fincham & Beach (2000) berpendapat bahawa pendekatan ini lebih kuat dalam menilai perkahwinan berkualiti. Menurut Bradbury, Fincham & Beach (2000), hubungan yang memuaskan hati dan kuat bukan bermakna tiada konflik wujud dalam perkahwinan. Ketidakpuasan hati juga mungkin wujud dalam perkahwinan tersebut. Oleh itu, Day et al. (2009) meletakkan dua bentuk perkahwinan berkualiti, iaitu bentuk positif dan negatif, dengan menilai kekuatan perkahwinan (seperti mendorong, berkompromi dan menunjukkan cinta) dan konflik/ketidakpuasan hati (seperti mengkritik, menyalahkan dan berkelahi).

Kajian-kajian terkini memberi fokus kepada elemen-elemen yang menyumbang kepada perkahwinan berkualiti. Kajian di Malaysia antaranya oleh Noralina (2009) melihat perkaitan antara perkahwinan berkualiti, kemahiran mengendalikan konflik dan tingkah laku keibubapaan. Ciri sosioekonomi dan latar belakang juga dikaji untuk ditentukan sumbangan mereka terhadap kualiti perkahwinan. Kajian ke atas 420 isteri berbangsa Melayu ini mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara kualiti perkahwinan, kemahiran mengendalikan konflik dan tingkah laku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar. Status pekerjaan responden juga berkait dengan kepuasan perkahwinan. Malah, status pekerjaan isteri dan jumlah pendapatan keluarga merupakan prediktor yang kuat kepada kualiti perkahwinan dalam kalangan keluarga berisiko.

Kajian yang dijalankan oleh Allendorf dan Ghimire (2012) pula mengukur kepuasan perkahwinan dalam 5 dimensi, iaitu kepuasan, komunikasi, kebersamaan, masalah dan perselisihan faham. Jantina, pendidikan, pilihan pasangan, dan tempoh perkahwinan merupakan penentu utama bagi perkahwinan berkualiti. Kajian turut mendapati bahawa lelaki yang lebih tinggi tahap pendidikan, pasangan pilihan sendiri, dan tempoh perkahwinan yang lebih lama menunjukkan tahap kualiti perkahwinan yang lebih tinggi. Namun begitu, kajian yang dijalankan di Nepal ini lebih memberi perhatian kepada faktor-faktor demografi seperti jantina dan pendidikan dalam menentukan perkahwinan berkualiti.

Kajian-kajian lepas telah melihat perkaitan antara sumber ekonomi dan kestabilan perkahwinan. Tidak kurang juga kajian ke atas bagaimana status kewangan isteri boleh mempengaruhi penceraian. Namun, dapatan-dapatan kajian tersebut adalah pelbagai. Sebagaimana White dan Rogers (2000) merumuskan bahawa tidak ada bukti yang konsisten menunjukkan bahawa kejayaan isteri sebagai penyumbang kedua ekonomi keluarga mengurangkan kestabilan sesebuah perkahwinan. Namun begitu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa apabila pendapatan suami lebih rendah daripada isteri, kebarangkalian penceraian semakin meningkat (Hoffman & Duncan, 1995). Kajian juga mendapati bahawa penceraian semakin mudah berlaku apabila sumbangan kewangan suami dan isteri kepada rumah tangga hampir sama (Rogers, 2004). Mungkin situasi ini memberi isyarat kepada isteri bahawa mereka juga mampu menyara keluarga secaraendirian.

Masalah kewangan telah dikaitkan dengan konflik perkahwinan (Dew & Steward, 2012). Walau bagaimanapun, Kendal (2003) berpendapat bahawa masalah kewangan telah kurang menyumbang kepada penceraian. Andersen (2000) turut mendapati bahawa masalah kewangan hanya menyumbang tidak lebih daripada 5% kepada varians penceraian. Justeru, ia tidak kuat dalam meramal penceraian atau kestabilan perkahwinan. Walaupun, masalah kewangan masih merupakan penyumbang kepada penceraian, keutamaannya sudah semakin berkurangan. Persepsi tentang kecukupan wang dan konflik berkaitan kewangan didapati mempengaruhi interaksi harian dalam perkahwinan. Andersen (2000) berpandangan bahawa masalah kewangan sebagai punca penceraian hanya ditokok tambah, memandangkan ia kurang memalukan untuk dilaporkan berbanding dengan punca-punca yang lain seperti menjadi mangsa penderaan, masalah penagihan, masalah seksual dan sebagainya.

Kajian tentang pengaruh tekanan ke atas perkahwinan berkualiti telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik. Antaranya Ledermann, Bodenmann & Rudaz (2010) mengkaji perkaitan antara tekanan dalam dan luar hubungan dan kualiti perkahwinan. Tekanan dalam hubungan merujuk kepada tekanan yang tertetus kerana tabiat dan sikap pasangan. Manakala tekanan luar hubungan muncul daripada unsur lain seperti tekanan kerja, konflik dengan jiran, atau masalah kewangan. Maka, adalah penting bagi pasangan untuk menyesuaikan diri dalam situasi yang tertekan dan memberi sokongan kepada satu sama lain. Keupayaan pasangan untuk menyesuaikan diri akan mengantara hubungan antara tekanan dan kualiti perkahwinan (Ledermann, Bodenmann & Rudaz, 2010).

Model tekanan perkahwinan oleh Bodenmann, Ledermann, dan Bradbury (2007), mencadangkan bahawa tekanan memberi kesan kepada perhubungan suami dan isteri secara langsung dan tidak langsung melalui kualiti komunikasi dan masa yang diluahkan bersama. Ledermann dan Macho (2009) juga menegaskan bahawa komunikasi mengantara secara separa kesan masalah perkahwinan ke atas kualiti perkahwinan. Tingkah laku komunikasi dalam hubungan interpersonal juga didapati sangat sensitif kepada tekanan (Cutrona, Russell & Brown, 2005). Ini bermakna, tekanan akan membawa kepada tingkah laku komunikasi yang negatif, seperti menengking, melawan dan sebagainya. Schulz et al. (2004) mendedahkan bahawa tekanan kerja boleh memburukkan hubungan antara pasangan dengan meningkatkan perselisihan faham.

Komunikasi juga memberi kesan yang sangat signifikan kepada persepsi kualiti perkahwinan dalam kalangan pasangan muda. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Teori Peranan (Merton, 1957), individu akan membuat jangkaan tentang peranan mereka dan individu lain. Mereka akan meminta orang lain untuk memenuhi jangkaan mereka terhadap peranan individu tersebut. Dalam institusi perkahwinan, komunikasi dua hala memainkan peranan yang penting untuk menyuarakan jangkaan mereka. Kedua-dua pihak, suami dan isteri perlu jelas tentang peranan masing-masing dan bertindak selari dengan peranan tersebut untuk mengelak perselisihan faham. Suami diharapkan berperanan sebagai pemimpin dalam rumah tangga, mana kala isteri pula diharapkan menyokong dan membantu tugas-tugas suami. Peranan yang gagal dipenuhi akan mencetuskan konflik dalam rumah tangga, yang boleh membawa kepada masalah-masalah lain yang lebih besar. Semua harapan dan jangkaan terhadap peranan-peranan ini hanya akan dapat disuarakan melalui komunikasi berkesan antara pasangan.

Matthews, Conger dan Wickrama (1996) mencadangkan bahawa konflik akan meningkatkan lagi tekanan psikologi, yang seterusnya akan memberi kesan kepada kualiti perkahwinan. Justeru, pengurusan konflik dijangkakan bertindak sebagai pengantara yang boleh menurunkan kadar tekanan dan memelihara kualiti perkahwinan. Konflik dalam keluarga dan perkahwinan adalah fenomena yang tidak dapat dielakkan. Lantaran itu, kematangan pasangan muda dalam mengendalikan konflik akan mempengaruhi keutuhan perkahwinan tersebut. Suami dan isteri perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengendalikan konflik yang dihadapi secara proaktif dan positif.

Sebagaimana Dildar, Sitwat dan Yasin (2013) meneroka konflik perkahwinan dan gaya penyelesaian konflik dalam kalangan lima pasangan di Gujrat, Pakistan. Antara konflik yang dihadapi oleh pasangan tersebut ialah keganasan pasangan, kurang kerjasama, isu ipar duai, isu anak-anak dan masalah kewangan. Kajian mendapati kebanyakan pasangan mengaplikasikan gaya mengelak (avoidant style), yang jelas sekali memberi kesan yang negatif kepada perkahwinan. Kedua-dua pihak yang berkonflik, suami dan isteri tidak mengamalkan gaya penyelesaian, kerjasama dan kompromi. Ketiga-tiga gaya ini memerlukan sedikit usaha dan masa, tetapi ia membantu dalam mengekalkan keharmonian perkahwinan. Pihak suami seringkali lebih memilih untuk menggunakan gaya persaingan, yang jelas menunjukkan dominasi lelaki dalam budaya tersebut.

Dalam kajian yang lain pula, Fincham, Beach, dan Davila (2004) mengaitkan kemaafaan dengan penyelesaian konflik yang lebih baik. Pasangan muda yang dikaji berada di tahun ketiga perkahwinan. Kajian turut mendapati bahawa gaya mengelak (avoidance) dalam penyelesaian konflik dalam kalangan suami membawa kepada penyelesaian konflik yang lemah, manakala gaya pertimbangan (benevolence) membawa kepada penyelesaian konflik yang lebih baik. Teori Pertukaran Sosial mengandaikan bahawa semua bentuk perhubungan mesti berasaskan kepada beri dan terima (give and take). Walau pun prinsip beri dan terima tidak akan selalunya seimbang, tetapi ia akan memberi keyakinan bahawa perkahwinan mereka perlu diteruskan dan dipelihara. Ini kerana, perkahwinan perlu memberi manfaat dan kebaikan kepada kedua-dua pihak, pihak suami dan isteri. Perkahwinan yang tidak berasaskan kepada prinsip menang-menang akan mudah terlerai apabila berdepan dengan cabaran.

KESIMPULAN

Perkahwinan berkualiti adalah satu usaha yang memerlukan komitmen dan pengorbanan daripada kedua-dua pihak, suami dan isteri. Perkahwinan berkualiti perlu diwujudkan untuk menyediakan suasana keluarga yang harmoni untuk pembesaran anak-anak dan kesejahteraan semua. Oleh itu, peramal yang didapati oleh kajian-kajian lepas boleh menjadi panduan kepada pasangan-pasangan yang ingin mengekalkan institusi perkahwinan mereka. Ia juga boleh menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik akan datang. Program-program yang dirancang oleh kerajaan, NGO dan swasta perlu mengambil kira peramal-peramal ini. Ia perlu diberikan penekanan supaya intervensi yang relevan dan sesuai boleh dilaksanakan.

RUJUKAN

- Andersen, J. D. (2000). Financial problems as predictors of divorce: A social exchange perspective. *Dissertation Abstracts International*, 61 (12), 4961A (UMI No. 9999072)
- Allendorf, K. & Ghimire, D.J. (2013) Determinants of marital quality in an arranged marriage society. *Social Science Research*, 42: 59-70.
- Birditt, S.B., Brown, E., Orbuch T.L & Jessica M. McIlvane. (2010). Marital Conflict Behaviors and Implications for Divorce over 16 Years. *Journal Family and Marriage*. 72(5):1288-1204
- Bodenmann, G., Lederman, T., Bradbury, T. N. (2007). Stress, sex, and satisfaction in marriage. *Personal Relationships*, 14: 551-569.
- Bradbury, T., Fincham, F., & Beach, S. (2000). Research on the nature and determinants of marital satisfaction: A decade in review. *Journal of Marriage and Family*, 62: 964- 980.
- Coan, J. A., Schaefer, H. S., & Davidson, R. (2006). Lending a hand: Social regulation of the neural response to threat. *Psychological Science*, 17: 1032–1039.
- Cutrona, C.E., Russell, D.W & Brown, P.A. (2005). Neighborhood Context, Personality, and Stressful Life Events as Predictors of Depression among African American Women. *Journal Abnormal Psychology*. 23 (5): 661-670.
- Day, R.D., Hair, E., Kaye, K & Orthner, D.K (2009). Marital Quality and Outcomes for Children and Adolescents: A Review of the Family Process Literature. Report for the Office of the Assistant Secretary of Planning and Evaluation, U.S. Department of Health and Human Services.
- Davila, J., Karney, B. R., Hall, T. W., & Bradbury, T. N. (2003). Depressive symptoms and marital satisfaction: Within-subject associations and the moderating effects of gender and neuroticism. *Journal of Family Psychology*, 17:557–570. doi:10.1037/0893-3200.17.4.557
- Davis, B.T., Hops, H., Alpert, A., & Sheeber, L. (1998). Child responses to parental conflict and their effect on adjustment: A study of triadic relations. *Journal of Family Psychology*, 12: 163-177.
- Dew, J.P & Steward, R. (2012). A Financial Issue, a Relationship Issue, or Both? Examining the Predictors of Marital Financial Conflict. *Journal of Financial Therapy*, 3(1): 43-61.
- Dildar S, Sitwat A, Yasin S. (2013). Intimate Enemies: Marital Conflicts and Conflict Resolution Styles in Dissatisfied Married Couples. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 15(10):1433–1439. Doi: 10.5829/idosi.mejrs.2013.15.10.11581
- Fincham, F.D., Beach, S.R.H., & Davila, J. (2004). Forgiveness and Conflict Resolution in Marriage. *Journal of Family Psychology*, 18 (1): 72-81. DOI: 10.1037/0893-3200.18.1.72.
- Fincham F.D. & Bradbury T.N. (1987). The assessment of marital quality: A reevaluation. *Journal of Marriage and Family*, 49: 797-809.

- Hoffman, S.D & Duncan, G.J. (1995). The Effect of Incomes, Wages, and AFDC Benefits on Marital Disruption. *Journal of Human Resources*, 30 (1): 19-41.
- Hughes, K. (2005). The adult children of divorce: Pure relationships and family values? *Journal of Sociology*, 41 (1): 69 – 86.
- Huston TL, Caughlin JP, Houts RM, Smith SE, George LJ. (2001). The connubial crucible: Newlywed years as predictors of marital delight, distress, and divorce. *Journal of Personality and Social Psychology*, 80 (2):237–252.
- Gwanfoge, P. N., Schumm, W. R., Smith, M., & Furriw, J. L. (1997). Polygyny and marital life satisfaction: An exploratory study from rural Cameroon. *Journal of Comparative Family Studies*, 28: 55 – 71.
- Kendal, N. (2003) Financial Behavior and Marital Satisfaction: A collective case study. Dissertation Abstracts International, 64 (8), 4043B (UMI No. 3100443)
- Ledermann, T., Bodenmann, G. & Rudaz, M. (2010). Stress, Communication, and Marital Quality in Couples. *Family Relations*, 59: 195 – 206. Doi:10.1111/j.1741-3729.2010.00595.
- Ledermann, T. & Macho, S. (2009). Mediation In Dyadic Data at The Level of The Dyads: A Structural Equation Modeling Approach. *Journal of Family Psychology*. 23(5): 661-670.
- LPPKN (2014). Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2014. Bahagian Kependudukan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Malaysia.
- Lynn, W & Rogers, S.J. (2000). Economic Circumstances and Family Outcomes: A Review of the 1990s. *Journal of Marriage and the Family*. 62: 1035-1051.
- Martin L. & Maria R. (2016). Parental separation in childhood and self-reported psychological health: A population-based study, *Psychiatry Research*, 246 (1): 783-790.
- Matthews, Lisa S., Conger, Rand D., Wickrama, K. A. S. (1996). Work-Family Conflict and Marital Quality: Mediating Processes. *Social Psychology Quarterly*, 59: 62–79.
- McCullough, M. E., Rachal, K. C., Sandage, S. J., Worthington, Jr. E. L., Brown, S. W., & Hight, T. L. (1998). Interpersonal forgiving in close relationships: II. Theoretical elaboration and measurement. *Journal of Personality and Social Psychology*, 75 (6): 1586–1603.
- Merton, R.K. (1957). The Role-Set: Problems in Sociological Theory. *The British Journal of Sociology*. 8(2): 106-120.
- Noralina, O. (2001). Kualiti Perkahwinan dan Tingkah Laku Keibubapaan dalam Keluarga Berisiko. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Norton, R. (1983). Measuring marital quality - a critical look at the dependent variable. *Journal of Marriage and the Family*, 45: 141-151.
- Orgill, J., & Heaton, T. B. (2005). Women's status and marital satisfaction in Bolivia. *Journal of Comparative Families Studies*, 36 (1): 23-40. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41603978>
- Pimentel, E. F. (2000). Just how do I love thee? Marital relations in urban China. *Journal of Marriage and Family*, 62 (1): 32-47. doi:10.1111/j.1741-3737.2000.00032.x
- Treboux, D., Crowell, J. A., Waters, E. (2004). When the “new” meets “old”: Configurations of adult attachment representations and their implications for marital functioning. *Developmental Psychology*, 40, 295-314.
- Rogers, S.J. (2004). Dollars, Dependency, and Divorce: Four Perspectives on the Role of Wives' Income. *Journal of Marriage and Family*, 66: 59–74.
- Saadia Dildar, Aisha Sitwat & Sumaira Yasin. (2013). Intimate Enemies: Marital Conflicts and Conflict Resolution Styles in Dissatisfied Married Couples. *Middle-East Journal of Scientific Research*. 15 (10): 1433-1439.
- Schulz, M. S., Cowan, P. A., Cowan, C. P., & Brennan, R. T. (2004). Coming home upset: Gender, marital satisfaction and the daily spillover of workday experience into couple interactions. *Journal of Family Psychology*, 18: 250 –263.
- Spanier, G. B. (1979). Measuring dyadic adjustment: New scales for assessing the marital quality and similar dyads. *Journal of Marriage and the Family*, 38: 15-28.
- Umberson, D., Liu, H. (2005). Emotional support, intimacy, and health in marriage: Change over the life course. *Gerontologist*, 45: 169-169.

- Umberson, D., Williams, K. (2005). Marital quality, health, and aging: Gender equity? *Journals of Gerontology Series B-Psychological Sciences and Social Sciences*, 60: 109-112.
- Umberson, D., Williams, K., Powers, D.A., Liu, H., Needham, B. (2006). You make me sick: Marital quality and health over the life course. *Journal of Health and Social Behavior*, 47: 1-16.
- Whisman, M. A. (2001). Marital adjustment and outcome following treatments for depression. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 69 (1): 125-129. <http://dx.doi.org/10.1037/0022-006X.69.1.125>
- White L. & Rogers S. (2000). Economic Circumstances and Family Outcomes: A Review of the 1990s. *Journal of Marriage and the Family*, 62 (4):1035–1051.
- Wickrama, K.A.S., Lorenz, F.O., Conger, R.D., Elder, G.H. (1997). Marital quality and physical illness: A latent growth curve analysis. *Journal of Marriage and the Family*, 59 (1): 143-155.
- Wilcox, W. B., & Nock, S. L. (2006). What's love got to do with it? Equality, equity, commitment and women's marital quality. *Social Forces*, 84: 1321-1345. doi:10.1353/sof.2006.0076
- Williams, K. (2003). Has the Future of Marriage Arrived? A Contemporary Examination of Gender, Marriage, and Psychological Well-Being. *Journal of Health and Social Behavior*, 44:470-487.

Siti Marziah Zakaria
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
marziah@ukm.edu.my

Abdul Rahman Ahmad Badayai
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nor Ba'yah Abdul Kadir
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Salina Nen
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.